



MPC(PCD) 600.2/1

9 Oktober 2020

Puan Jamaliah Daud
No. 2 Jalan Teratak U8/96G,
Bukit Jelutong, Shah Alam
40150 Selangor

Puan Jamaliah,

**PERLANTIKAN SEBAGAI TENAGA PAKAR UNTUK PENYEDIAAN LAPORAN
PENILAIAN OUTCOME PROJEK PEMBANGUNAN RMKe-11 MITI UNTUK
PROGRAM MEMODENKAN PERATURAN PERNIAGAAN (MBR)**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman puan, Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) telah diberi mandat untuk melihat semula peraturan yang melibatkan pengendalian perniagaan di Malaysia dengan tujuan memodenkan peraturan perniagaan bagi menggalakkan pertumbuhan perusahaan, kekayaan dan guna tenaga. Inisiatif ini selaras dengan strategi meningkatkan potensi produktiviti sebagaimana yang termaktub dalam Bab 2 Dokumen Rancangan Malaysia ke-11 (RMKe-11) tahun 2016 – 2020.

3. Lanjutan dari itu, MPC melalui kementeriannya MITI diminta untuk menyediakan Laporan Penilaian Outcome untuk program-program yang dilaksanakan di bawah Program Memodenkan Peraturan Perniagaan bagi tujuan melaporkan prestasi pelaksanaan dan pencapaian program yang dibiayai peruntukan RMKe-11.

4. Sehubungan itu, bagi memastikan penyediaan laporan ini berjalan dengan lancar dan jayanya, MPC ingin melantik puan sebagai Tenaga Pakar bagi menjalankan bagi tujuan tersebut. Bersama-sama ini juga disertakan Surat Setuju Terima (Lampiran 1) dan Terma Rujukan (Lampiran 2) untuk makluman dan tindakan. Mohon kerjasama puan untuk mengembalikan Surat Setuju Terima yang telah lengkap diisi kepada pihak kami bagi pengesahan penerimaan perlantikan. Sebarang pertanyaan boleh hubungi En Mohd Hilmi Mohd Idris di talian 019 288 2539.

5. Segala sokongan dan kerjasama yang diberikan dalam menjayakan kajian ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

sekian.

'MEMACU PRODUKTIVITI NEGARA'

Saya yang menjalankan amanah,

A handwritten signature in dark ink, appearing to read 'Azrol', with a horizontal line underneath.

(MOHAMAD AZROL MOHAMAD DALI)

Pengurus Kanan

Seksyen Daya Saing

Bahagian Pembangunan Produktiviti dan Daya Saing

b.p Ketua Pengarah

Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)

SURAT SETUJU TERIMA

En Mohamad Azrol Mohamad Dali
Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)
Peti Surat 64, Jalan Sultan
46904 Petaling Jaya, Selangor

Tarikh:

Tuan,

**PELANTIKAN SEBAGAI TENAGA PAKAR UNTUK PENYEDIAAN LAPORAN
PENILAIAN OUTCOME PROJEK PEMBANGUNAN RMKe-11 MITI UNTUK
PROGRAM MEMODENKAN PERATURAN PERNIAGAAN (MBR)**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan surat tawaran tuan
puan bertarikh _____ adalah berkaitan.

2. Dengan ini, saya _____ **bersetuju/tidak bersetuju***
dengan pelantikan oleh pihak tuan bagi memberi/menawarkan perkhidmatan tenaga
pakar untuk pelaksanaan perkara di atas.

3. Dengan persetujuan pelantikan ini, saya mengambil maklum akan syarat-
syarat yang telah diperjelaskan oleh pihak tuan seperti yang telah dinyatakan dalam
surat tawaran serta terma rujukan yang dilampirkan.

Sekian, terima kasih.

.....
(Nama: _____)
Jawatan:
Tarikh:
No. Kad Pengenalan:

Nama Syarikat:
No. Pendaftaran Syarikat:
Nama Bank dan No. Akaun bank:

Nota:

*Potong mana yang tidak berkaitan

** Sekiranya memilih untuk tidak bersetuju, para ini adalah tidak berkaitan